

**KMJG 2012 Usaha Kerajaan Dekati Masyarakat Akar Umbi
Bernama
31 Julai, 2012**

BEAUFORT, 31 Julai (Bernama) -- Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG) Ramadan 2012, selain membawa mesej kemerdekaan, bertujuan mendekati masyarakat untuk dihulurkan bantuan, kata Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Datuk Ibrahim Abdul Rahman.

Program anjuran Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan itu diterajui Jabatan Penerangan Sabah.

Misi utamanya ialah menggalakkan kempen pengibaran Jalur Gemilang dalam kalangan masyarakat sempena meraikan kemerdekaan negara yang ke-55.

Malam tadi diadakan majlis berbuka puasa bagi menyambut konvoi KMJG ini di Masjid Kampung Pilajau, Kota Klias, dekat sini.

Majlis itu dirasmikan Setiausaha Politik Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri Sabah merangkap Timbalan Ketua Umno Bahagian Beaufort, Isnin Aliasneh.

Pada majlis itu, Ibrahim turut serta bersama kumpulan konvoi KMJG 2012, mengagihkan sumbangan keperluan dapur dan sejadah kepada penduduk sekitar daerah Kuala Penyu dan Beaufort.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684481>

